




UniMAP

PENERBITAN BERIMPAK

Pencapaian
& Strategi



Universiti Malaysia Perlis

PENERBITAN BERIMPAK
Pencapaian
& Strategi

PENAUNG

Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin
Naib Canselor

PENASIHAT

Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi

Prof. Dr. Sazali Yaacob
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa

PENULIS

Mazmin Mat Akhir
Pustakawan Kanan

Md Nizam Azid
Pustakawan

PENGUMPULAN DATA

Jashira Jaimin
Pustakawan

Nasibah Mohd Nizan
Shariffah Norlaila Syed Alwi
Pembantu Perpustakaan

GRAFIK DAN REKA LETAK

Shahirah Shafie
Syed Mohd Helmi Syed Azmi
Pembantu Perpustakaan

HALAMAN KANDUNGAN

Aluan Naib Canselor	
Pengenalan kepada penerbitan berimpak	1
Pengumpulan Data Penerbitan	1
Terminologi Penerbitan Berimpak	2
Kaedah Pengukuran Prestasi Penyelidikan	3-7
Sumber Data Sitasi	8-11
Analisa Penerbitan Berimpak	12-16
Amalan Terbaik	22-23
Penutup	24
Bibliografi	25

Jadual 1 Liputan Penerbitan Mengikut Geografi	8
Jadual 2 Bilangan Jurnal Yang Diliputi Oleh Scopus Mengikut Negara Terpilih	9
Jadual 3 Senarai Judul Terbitan Malaysia Yang Diindeks Oleh Web of Science	10
Jadual 4 Perbandingan Antara Web of Science dan Scopus	11
Jadual 5 Bilangan Penerbitan UniMAP Terindeks di dalam Scopus (2003-2009)	12
Jadual 6 Bilangan Penerbitan Terindeks di Dalam Scopus Mengikut Pusat Pengajian	12
Jadual 7 Bilangan Sitasi Mengikut Tahun (2003-2009)	15
Jadual 8 Bilangan Sitasi Mengikut Pusat Pengajian (2003-2009)	15
Jadual 9 Bilangan Penerbitan dan Nilai <i>Impact Factor</i> Jurnal	15
Jadual 10 Senarai Lima Judul Jurnal dengan Nilai <i>Impact Factor</i> Tertinggi	16
Jadual 11 Media Penerbitan Hasil Penyelidikan Mengikut Pusat Pengajian	19
Carta 1 Bilangan Rekod Penerbitan di Dalam Scopus	8
Carta 2 Produktiviti Penyelidikan Mengikut Pusat Pengajian	13
Carta 3 Purata Sitasi Berbanding Bilangan Penerbitan Terindeks	14
Carta 4 Nilai Sitasi Per Penerbitan Mengikut Pusat Pengajian (2003-2009)	16
Carta 5 Bilangan Artikel di Dalam Jurnal Berimpak dengan Nilai <i>Impact Factor</i> Jurnal Mengikut Pusat Pengajian (2003-2009)	17
Carta 6 Senarai Lima Teratas Jurnal Berimpak dalam Bidang Kejuruteraan Pertanian (2009)	17
Carta 7 Bilangan Penerbitan Terindeks Mengikut Jenis Bahan (2003-2009)	18
Carta 8 Kolaborasi Penyelidikan dengan IPTA di Malaysia Mengikut Peratus Penerbitan	21

ALUAN NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur ke hadhrat Allah (S.W.T.) kerana dengan limpah kurniaNya, UniMAP telah berkembang pesat dalam pelbagai bidang akademik, penyelidikan, pembangunan dan kemahiran insaniah. Bidang penyelidikan merupakan fokus utama yang sering diangkat oleh para pemegang taruh IPT. Hasil dan impak penyelidikan merupakan salah satu petunjuk prestasi yang menggambarkan kecemerlangan universiti serta menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat.

Kecemerlangan universiti sering kali diukur melalui sistem penarafan yang diperkenalkan di peringkat kebangsaan dan dunia. Tidak dapat dinafikan, prestasi penyelidikan merupakan indikator yang digunapakai oleh pelbagai sistem penarafan. Pelbagai isu mengenai metodologi sistem penarafan telah diketengahkan sama ada oleh pihak kerajaan mahupun ahli akademik. Walau bagaimanapun, apa



yang menarik ialah hasil yang dibentang dan dilaporkan oleh sistem penarafan di pelbagai negara. Melalui pelbagai kriteria dan variasi indikator, *Harvard University*, *Cambridge University* dan *Massachusetts Institute of Technology* masih merupakan antara universiti pilihan yang berada di tangga teratas dunia. Ini menunjukkan sistem penarafan perlu dimanfaatkan oleh IPT sebagai asas penandaarasan dan penentuan amalan terbaik bagi meningkatkan kualiti IPT.

Indikator prestasi penyelidikan kebiasaannya terfokus kepada dua elemen iaitu produktiviti penyelidikan dan impak penyelidikan. Kedua-dua indikator ini diukur menggunakan dua atau lebih kriteria utama meliputi bilangan penerbitan dan bilangan sitasi yang diterima oleh para penyelidik dan ahli akademik. Sehubungan itu, penggunaan alatan yang tepat diperlukan untuk mengukur prestasi penerbitan secara berkala. Ia memberi ruang kepada institusi untuk mengenalpasti ruang penambahbaikan serta mengatur strategi berkesan untuk meningkatkan dua bidang keberhasilan utama IPT iaitu penyelidikan dan pengkomersilan.

Sehubungan itu, penerbitan ini dihasilkan khusus untuk menyediakan panduan mengenai penghasilan penerbitan berimpak sebagai rujukan kepada para penyelidik dan ahli akademik UniMAP. Kaedah dan teknik pengukuran penerbitan berimpak perlu difahami untuk memastikan hasil penyelidikan universiti berupaya disebarkan kepada para penyelidik dan masyarakat di seluruh dunia ke arah perkembangan ilmu serta manfaat sejagat.

Sekian, terima kasih.

Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis
September 2010

MENGENAI PENERBITAN BERIMPAK: PERKEMBANGAN DAN STRATEGI UniMAP

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, syukur ke hadhrat Allah kerana dengan limpah kurniaNya, buku Penerbitan Berimpak: Pencapaian dan Strategi UniMAP berjaya dihasilkan dan diterbitkan untuk rujukan warga Universiti Malaysia Perlis. Ia bertujuan untuk menghuraikan kaedah pengukuran impak penyelidikan melalui aktiviti penerbitan ilmiah. Ini meliputi pendekatan pengukuran prestasi yang diperkenalkan oleh sistem penarafan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Perpustakaan akademik di Malaysia memainkan peranan penting dalam menawarkan capaian kepada maklumat ilmiah untuk memenuhi keperluan maklumat para penyelidik. Selain itu, Perpustakaan Akademik juga kini memainkan peranan penting untuk menyediakan kemudahan alatan pengukuran impak penerbitan melalui langganan kepada pangkalan data *Scopus*, *Web of Science* dan *Journal Citation Reports*.

Malahan pada tahun 2010, langganan kepada pangkalan data Scopus untuk semua Perpustakaan IPTA di Malaysia telah ditaja oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Tidak dapat dinafikan, Scopus mempunyai keupayaan dan kemudahan pencarian maklumat serta capaian kepada maklumat ilmiah yang diterbitkan oleh penerbit terkemuka dunia. Walau bagaimanapun, Scopus semakin popular di kalangan warga universiti sebagai platform pengukuran impak penyelidikan dan penerbitan yang telah dihasilkan.

Perpustakaan UniMAP telah mengambil inisiatif menjalankan analisa produktiviti dan impak penerbitan bagi liputan tahun 2003-2009 dengan menggunakan pangkalan data *Scopus* dan *Journal Citation Reports*. Laporan analisa ini menggunakan beberapa teknik terpilih untuk menilai status dan pencapaian produktiviti serta impak penerbitan UniMAP. Hasil analisa diharapkan dapat dijadikan input dalam merangka inisiatif strategik selaras dengan matlamat menggemilangkan aktiviti penyelidikan UniMAP.

Sekian, terima kasih.

Mazmin Mat Akhir
Pustakawan Kanan
Universiti Malaysia Perlis
September 2010

